

# HIZINE SYRUP

Promethazine hydrochloride (5mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hizine
2. Bagaimana Hizine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hizine
4. Cara menggunakan Hizine
5. Semasa menggunakan Hizine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hizine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Hizine

Hizine digunakan untuk rawatan tindakbalas alahan kulit dan membran mukus seperti urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul pada kulit), dermatitis (radang kulit), rinitis alergi (radang membran mukus dalam hidung) dan resdung. Ia juga digunakan untuk menghentikan muntah dan berfungsi sebagai sedatif dan hipnotik (ubat tidur).

## Bagaimana Hizine berfungsi

Hizine mengandungi promethazine, sejenis antihistamina kuat dan mempunyai kesan jangka panjang. Antihistamina membantu melegakan tanda-tanda alergi dengan menghalang kesan histamina. Histamina adalah bahan yang dikeluarkan oleh badan semasa tindakbalas alergi.

## Sebelum menggunakan Hizine

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil Hizine jika anda mempunyai alahan kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam Hizine.
- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.
- Tidak boleh digunakan untuk wanita yang sarat mengandung dan kanak-kanak kurang daripada 2 tahun.
- Beritahu doktor jika anda pernah mengambil monoamine oxidase inhibitor (antidepresi) 14 hari sebelum.

### - Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai keadaan seperti berikut:

- glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
- stenosing ulser peptik (hakisan pada dinding perut)
- obstruksi pyloroduodenal (halangan aliran keluar gastrik)
- halangan pundi kencing disebabkan pembesaran kelenjar prostat
- penyempitan leher pundi kencing

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk alkohol, antidepresi, antikolinergik, tricyclic antidepressants, levodopa, antithyroid, monoamine oxidase (MAO) inhibitors atau epinephrine yang mungkin menambahkan kesan ubat. Ini juga termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Hizine

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 25mg, boleh ditambah kepada 50 – 75mg jika perlu.  
Untuk tindakbalas hipersensitif: 2 – 5 tahun: 5 – 15mg sehari. 5 – 10 tahun: 10 – 25mg sehari.  
Untuk sedatif malam: 2 – 5 tahun: 15 – 20mg. 5 – 10 tahun: 20 – 25mg.  
Untuk mabuk perjalanan: (dos diambil malam sebelum dan kesokan pagi, jika perlu): 2 – 5 tahun: 5mg.  
5 – 10 tahun: 10mg.

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Tanda-tanda terlebih dos adalah dari depresi ringan pada sistem saraf pusat dan

sistem kardiovaskular (jantung dan saluran darah) ke tekanan darah rendah serius, kesukaran pernafasan dan tidak sedar. Tanda-tanda pada kanak-kanak ialah kejutan, ataksia (kurang koordinasi otot), athetosis (pergerakan tangan dan kaki yang perlahan dan tidak terkawal) dan halusinasi.

## Semasa menggunakan Hizine

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Hizine.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Hizine dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera kerana ubat ini boleh menyebabkan rasa mengantuk atau pening. Elakkan minuman beralkohol.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Hizine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Kesan sampingan paling biasa ialah mulut, tekak dan hidung kering, pening, mengantuk, sakit abdomen, muntah atau cirit-birit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
(Consumers → Reporting)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Hizine

### - Penyimpanan

- Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 25°C.
- Lindungi daripada cahaya.
- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

# HIZINE SYRUP

Promethazine hydrochloride (5mg/5ml)

---

## - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### - Rupa dan warna produk

Sirap warna oren berperisa oren.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: Promethazine hydrochloride
- Bahan tidak aktif: citric acid, sodium benzoate, perisa oren, sunset yellow ariavit, liquid glucose, air dan sirap.

### - Nombor MAL

MAL19973704AZ

## **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran**

## **Produk**

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.

1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

12/05/2015

## **Nombor siri**

BPK(R4/1)120515/00100